



The Observer

31.05.2024

❖ Pempelbagaian risiko - Usah letak semua telur dalam satu bakul

Mengemudi dunia korporat adalah perjalanan penuh liku dan berbahaya. Siapa sangka perubahan iklim yang berpunca daripada kesan buruk pemanasan global boleh memusnahkan rantai bekalan dengan serius dan berpotensi mencetuskan gangguan di sepanjang keseluruhan barisan pengeluaran?

Contohnya, Guan Chong Berhad iaitu syarikat pemproses koko terbesar di Asia dan keempat terbesar di dunia, yang menghadapi risiko bekalan dan harga rekod untuk biji koko memandangkan krisis iklim semasa dan penyakit yang melanda tanaman dalam kalangan penanam koko terkemuka di Afrika Barat.

Pasaran hadapan koko yang tersenarai di New York dan London mengalami turun naik yang ketara pada 2023, mencapai paras tertinggi dalam tempoh 35 tahun dan 46 tahun, masing-masing melebihi AS\$4,200 dan GBP3,500 bagi setiap tan metrik. Harga terus meningkat dan mencapai paras tertinggi baharu dalam sejarah pada 2024, dengan hampir AS\$10,000 bagi setiap tan metrik pada Mac 2024.

Lonjakan harga ini memberikan cabaran kepada pengisar koko, yang menghadapi peningkatan kos input untuk bahan mentah. Melihat situasi ini, para pemegang saham bimbang tentang cara Syarikat mengurus kesan kos input yang tinggi akibat kekurangan bekalan di tengah-tengah persekitaran perubahan iklim.

Sebagai maklum balas kepada kebimbangan pemegang saham, Guan Chong menegaskan bahawa mereka telah mempelbagaikan sumber biji koko daripada negara penanam kecil seperti Ecuador, Peru dan Indonesia dengan tujuan mempelbagaikan risiko bekalan daripada pengeluar utama biji koko seperti Ivory Coast dan Ghana. Ivory Coast dan Ghana menyumbang 60% daripada keluaran koko dunia.

SOROTAN UTAMA

- Daripada Guan Chong kepada InNature, cabaran mereka memberikan gambaran yang cukup jelas tentang betapa kritikalnya pengurusan risiko yang kukuh dan menyeluruh.
- Jenis dan tahap risiko sentiasa berkembang. PLC perlu menyedari faktor gangguan yang meluas, daripada sumber bahan mentah hinggalah kepada pembuatan dan penjualan produk siap.

Harga biji koko yang tinggi ibarat pedang bermata dua. Walaupun kami maklum dengan usaha Guan Chong yang telah memulakan langkah kontingensi dengan mendapatkan sumber biji koko daripada penanam kecil di negara lain untuk meminimumkan gangguan kepada operasi dan penjana aliran tunai, agensi penarafan kredit MARC Ratings tetap bimbang terhadap kesan ke atas profil kredit pengisar koko Guan Chong akibat tergendalanya bekalan dan permintaan yang berpanjangan disebabkan persekitaran harga biji koko yang tinggi.

MARC Ratings telah menurunkan penarafan mereka ke atas program sukuk Guan Chong daripada "stabil" kepada "negatif". Semakan itu dibuat berikutan lonjakan ketara dalam harga biji koko daripada AS\$3,835/tan kepada AS\$9,193/tan (atau lonjakan 140%) antara Oktober 2023 dan Mac 2024. Perkembangan ini telah menimbulkan tekanan yang besar terhadap keperluan modal kerja Guan Chong.

"Ini boleh menyebabkan peningkatan mendadak dalam tahap pinjaman mereka, dengan kedudukan leveraj berpotensi meningkat kepada melebihi 1.5 kali ganda," MARC Ratings memberikan unjuran mereka.

Walaupun harga koko diramalkan menurun daripada paras tertinggi yang dicatatkan baru-baru ini pada Mac 2024, MARC Ratings bagaimanapun menjangkakan harga akan kekal tinggi berbanding tahap prapeningkatan iaitu sebanyak AS\$3,000/tan.

Sementara itu, margin yang lebih tinggi daripada jangkaan yang berpunca daripada kenaikan harga jualan purata (*average selling price, ASP*) dan kedudukan lindung nilai yang menggalakkan telah mendorong prestasi Guan Chong dengan perolehan bersih tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM92 juta dengan pendapatan berjumlah RM1.87 bilion untuk suku pertama 2024 berakhir 31 Mac 2024.

Cabaran risiko bekalan InNature

Sebaliknya, selepas perkembangan yang tidak menggalakkan dalam The Body Shop (TBS) UK, Jerman dan Belgium pada awal tahun ini, peruncit produk kosmetik dan penjagaan diri InNature Berhad mengumumkan rancangan mereka untuk menceburi perniagaan makanan dan minuman (*food and beverage, F&B*).

Pada Mei 2024, InNature mencadangkan untuk memperoleh Blu Restaurant Sdn Bhd – pemegang francais "Burger & Lobster" di Malaysia (tidak termasuk outlet Genting Highlands), dengan harga RM21.25 juta. InNature berkata, cadangan mempelbagaian ke dalam perniagaan F&B akan menyumbang serta-merta kepada Kumpulan, pada masa yang sama mempelbagaikan aliran pendapatannya. Pada akhirnya, InNature menjangkakan sumbangan daripada perniagaan F&B akan menyumbang 25% atau lebih daripada keuntungan bersihnya.

InNature ialah pemegang francais TBS di Malaysia, Vietnam dan Kemboja. Sehingga akhir suku pertama 2024, Kumpulan mempunyai 120 kedai; 76 di Malaysia, 41 di Vietnam dan 3 di Kemboja. Sejak penyenaaraiannya di Pasaran Utama Bursa Securities pada 2020, Kumpulan bergantung pada pendapatan yang dijana daripada jualan runcit produk kosmetik dan penjagaan diri, yang menyumbang hampir keseluruhan jumlah pendapatannya.

Sejak awal tahun 2024, TBS UK, Jerman dan Belgium dilaporkan telah diletakkan di bawah pentadbiran kerana masalah kewangan. Sungguhpun begitu, InNature meyakinkan pasaran bahawa Syarikat beroperasi seperti biasa, kerana pemberi francaisnya iaitu The Body Shop International (TBSI), menjelaskan bahawa kejadian di UK dan beberapa pasaran Eropah tiada kaitan dengan rakan kongsi francais seperti InNature. TBSI juga ialah pembekal tunggal produk The Body Shop, menurut prospektus InNature.

Walaupun diberikan jaminan sedemikian, harga saham Syarikat menggambarkan sebaliknya. Pada 4 Mac 2024, InNature ditutup pada paras terendah sepanjang masa pada 28 sen berikutan kebimbangan yang semakin meningkat tentang risiko penumpuan pendapatan dan bekalan. Kaunter ini telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada Februari 2020 dengan harga tawaran awam permulaan (*initial public offering*, IPO) 64 sen sesaham.

Kesimpulan

Pelbagai insiden di atas menggambarkan betapa kritikal pengurusan risiko yang kukuh dan menyeluruh. Risiko mungkin berpunca daripada pelbagai sumber, termasuk ketidakpastian kewangan, liabiliti undang-undang, isu teknologi, kesilapan pengurusan strategik, kemalangan dan bencana alam.

Jenis dan tahap risiko sentiasa berkembang. PLC perlu menyedari faktor gangguan yang meluas, daripada sumber bahan mentah hinggalah kepada pembuatan dan penjualan produk siap.

Ini boleh dilakukan dengan mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko yang boleh dilaksanakan untuk mengenal pasti, menilai, mengawal dan mengekang ancaman terhadap modal, pendapatan dan operasi organisasi.

Pada dasarnya, pengurusan risiko yang teguh adalah penting untuk mengenal pasti dan mengawal ancaman dan kelemahan yang boleh memberi kesan negatif kepada sesebuah organisasi.

Oleh Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 3 hingga 7 Jun 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Citaglobal Berhad (AGM)	<u>Prestasi kewangan</u>

Perkara penting:

Syarikat

Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan

	FY2023 1-Jan-23 to 31-Dec-23	FY2022 1-Jan-22 to 31-Dec-22	FY2021 1-Jan-21 to 31-Dec-21	FP2020 1-Sep-19 to 31-Dec-20	FY2019 1-Sep-18 to 31-Aug-19
	12 months	12 months (Restated)	12 months	16 months	12 months
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Revenue	205,501	213,884	247,382	303,276	388,389
Profit/(Loss) Before Taxation	13,822	(39,779)	4,761	(63,534)	(95,174)

(Sumber: Halaman 3, Laporan Tahunan 2023)

Seperti yang ditunjukkan di atas, kami memuji Citaglobal kerana kembali kepada trajektori keuntungan apabila Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM13,822,000 pada tahun kewangan 2023 berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM39,779,000 pada tahun kewangan 2022. Berdasarkan keadaan dan prospek ekonomi semasa, apakah prospek Kumpulan untuk mengekalkan keputusan positif pada tahun kewangan 2024?

UEM Edgenta Berhad
(AGM)

Sepanjang tahun kewangan 2023, UEM Edgenta menjana sisa yang jauh lebih tinggi iaitu daripada operasi dan sisa yang diurus untuk pelanggan, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

	2022	2023
Sisa yang dijana daripada operasi		
Sisa yang dijana (tan metrik)	567.45	1,498.97
Sisa berbahaya yang dijana (tan)	512.41	724.54
Sisa yang dilencongkan daripada pelupusan (juta meter padu setahun)	10.60	604.93
Sisa yang dihantar untuk pelupusan (juta meter padu setahun)	556.85	894.04
Pendedahan sisa yang dikitar semula untuk tempoh tiga tahun (tan)	0.05	0.63
Sisa yang diurus untuk pelanggan		
Jumlah sisa yang diurus oleh Edgenta untuk pelanggan (tan)	16,435.95	67,114.11
Dihantar untuk pelupusan (tan)	15,652.64	20,398.30
Berbahaya (tan)	12,921.31	5,508.83
Tidak berbahaya (tan)	2,730.93	15,010.75
Dilencongkan untuk pelupusan	4,582.45	46,715.22

Sumber: Halaman 140, Laporan Tahunan Bersepadu 2023

- Mengapakah UEM Edgenta menjana sisa yang jauh lebih tinggi daripada operasi meskipun tanpa perubahan ketara dalam perniagaan dan operasi?
- Mengapakah pelanggan Kumpulan juga menghasilkan lebih banyak sisa pada tahun kewangan 2023? Adakah sisa yang diurus untuk pelanggan ini, yang tiada kaitan dengan Syarikat, menjadi sebahagian daripada metrik kelestarian

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	yang diukur terhadap Lembaga Pengarah dan Pengurusan?
Pharmaniaga Berhad (AGM)	<p>Kerugian sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>loss before interest, taxation, depreciation and amortisation</i>, LBITDA) yang berjumlah RM22.3 juta untuk tahun kewangan 2023 sebahagian besarnya disebabkan oleh peruntukan tidak berulang sebanyak RM63.9 juta untuk stok usang yang berpunca daripada permintaan yang perlahan terhadap inventori barang habis guna berkaitan pandemik seperti peralatan perlindungan diri, serta penurunan nilai ke atas loji dan peralatan berjumlah RM4.1 juta. (Halaman 25 daripada Laporan Bersepadu 2023)</p> <p>Kumpulan telah merekodkan peruntukan yang berturut-turut untuk stok usang ke atas inventori berkaitan pandemik, berikutan peruntukan yang besar sebanyak RM552.3 juta untuk inventori vaksin COVID-19 yang bergerak perlahan pada tahun kewangan 2022.</p> <p>a) Bilakah Kumpulan membeli inventori barang habis guna yang berkaitan pandemik ini?</p> <p>b) Adakah inventori barang habis guna yang berkaitan pandemik ini diperolehi daripada pesanan yang berturut-turut? Jika ya, mengapakah barang-barang ini tidak dijual kepada pelanggan dan adakah Kumpulan berhak menuntut kerugian? Jika tidak, adakah ini menunjukkan ketidakcekapan dalam pengurusan inventori dan apakah tindakan yang diambil untuk membetulkannya?</p> <p>c) Berapakah nilai dibawa untuk inventori barang habis guna berkaitan pandemik yang berusia lebih dari tiga tahun pada 31 Disember 2023?</p> <p>d) Dalam AGM sebelum ini, Syarikat ada menyebut tentang kerjasama dengan rakan kongsi strategik bagi membolehkan penjualan stok vaksin ke negara lain. Sila maklumkan perkembangan terkini mengenai kerjasama tersebut dan jumlah yang berjaya diperolehi semula oleh Kumpulan.</p>
CTOS Digital Berhad (AGM)	Kredit penghutang perdagangan Kumpulan yang terjejas yang telah lewat tempoh melebihi 150 hari telah meningkat dengan ketara daripada RM726,000 pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada RM3.6 juta pada

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>tahun kewangan berakhir 2023 (Halaman 186-187, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Memandangkan jumlah tertunggak semakin meningkat, apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan sewaktu mengutip penghutang perdagangan yang telah lewat tempoh melebihi 150 hari?</p> <p>b) Siapakah pelanggan yang terangkum dalam kategori ini (melebihi tempoh 150 hari) dalam penghutang perdagangan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023 dan apakah profil mereka?</p> <p>c) Berapakah jumlah tertunggak yang berjaya dikutip setakat ini?</p>
OCK Group Berhad (AGM)	<p>“Pada Oktober 2023, OCK Setia Engineering Sdn Bhd telah menerima surat penerimaan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perjanjian ini melibatkan penyediaan perkhidmatan penyewaan perkakasan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mesra alam serta memenuhi keperluan hijau untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di makmal komputer sekolah KPM di Sarawak. Kontrak itu bernilai kira-kira RM48.7juta, dalam tempoh 65 bulan.” (Halaman 31, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Bagaimanakah perkara di atas sejajar dengan matlamat strategik Kumpulan untuk jangka panjang?</p> <p>b) Sila berikan beberapa contoh perkakasan ICT yang mesra alam. Bagaimanakah perkakasan ini memenuhi keperluan hijau?</p>
Kerjaya Prospek Group Berhad (AGM)	<p>Sebagai sebahagian daripada pendedahan kelestarian yang berkaitan perubahan iklim, Kumpulan mendedahkan pelepasan gas rumah hijau (<i>greenhouse gas</i>, GHG) daripada Segmen Pembinaan untuk tiga tahun yang lalu.</p> <p>a) Adakah Kumpulan sudah menetapkan sasaran utama untuk pendekatan kelestarian yang berkaitan perubahan iklim?</p> <p>b) Adakah Kumpulan akan mempertimbangkan untuk mendedahkan lebih lanjut tentang keamatan pelepasan GHG, yang mengukur pelepasan relatif</p>

Perkara penting:													
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan												
	<p>mengikut skala aktiviti atau output, bagi memudahkan perbandingan pada masa hadapan?</p>												
Mr D.I.Y Group (M) Berhad (AGM)	<p>Pelepasan Skop 1 dan Skop 2 Kumpulan meningkat dengan ketara, seperti yang ditunjukkan di bawah.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Total Emissions (tCO₂e)</th> <th>FYE2021</th> <th>FYE2022</th> <th>FYE2023</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Scope 1</td> <td>0.3</td> <td>0.27</td> <td>0.48</td> </tr> <tr> <td>Scope 2</td> <td>70,046</td> <td>93,749</td> <td>116,616</td> </tr> </tbody> </table> <p>(page 30 of SR2023)</p> <p>Apakah yang menyumbang kepada peningkatan ketara ini? Apakah sasaran dan rancangan Kumpulan untuk mengurangkan jumlah pelepasan Skop 1 dan Skop 2 pada tahun-tahun akan datang?</p>	Total Emissions (tCO ₂ e)	FYE2021	FYE2022	FYE2023	Scope 1	0.3	0.27	0.48	Scope 2	70,046	93,749	116,616
Total Emissions (tCO ₂ e)	FYE2021	FYE2022	FYE2023										
Scope 1	0.3	0.27	0.48										
Scope 2	70,046	93,749	116,616										
UEM Sunrise Berhad (AGM)	<p>Syarikat melaporkan lapan kes pemberi maklumat (<i>whistleblowing</i>) pada tahun kewangan 2023 berbanding sembilan kes pada tahun kewangan 2022. (Halaman 125, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Apakah kisah di sebalik lapan kes pemberi maklumat ini?</p> <p>b) Adakah terdapat sebarang merit dalam lapan kes pemberi maklumat ini? Jika ada, sila nyatakan.</p> <p>c) Apakah tindakan pembetulan yang telah diambil oleh Syarikat terhadap lapan kes pemberi maklumat ini?</p>												
Malaysia Building Society Berhad (AGM)	<p>Keuntungan bersih MBSB untuk tahun kewangan 2023 meningkat sebanyak 6.9% kepada RM491.8 juta, terutamanya disebabkan oleh keuntungan tidak berulang sebanyak RM354.38 juta daripada perolehan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF).</p> <p>Tanpa keuntungan tidak berulang ini, pendapatan bersih MBSB adalah jauh lebih rendah iaitu berjumlah RM917 juta, menghasilkan keuntungan kira-kira RM140 juta berbanding RM460.19 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2022 (Halaman 179, 262 dan 263, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>a) Tanpa keuntungan tidak berulang daripada pengambilalihan pada tahun ini, bagaimanakah prestasi keuntungan atau kerugian MBSB pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Pendapatan operasi MBSB merosot secara mendadak kepada RM878 juta berbanding RM1.29</p>												

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>bilion sebelum ini, terutamanya dipengaruhi oleh pendapatan yang lebih tinggi yang boleh diagihkan kepada pendeposit berjumlah RM1.47 bilion, berbanding RM892 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Kos pembiayaan yang lebih tinggi mengakibatkan penurunan mendadak sebanyak 108 mata asas dalam margin keuntungan bersih (<i>net profit margin</i>, NPM) kepada 1.82%.</p> <p>Adakah Kumpulan menjangkakan margin akan dimampatkan lagi pada tahun kewangan 2024? Apakah panduan pengurusan untuk NPM? Adakah strategi memperoleh pelanggan yang berkualiti tinggi demi kualiti aset yang lebih baik akan menjejaskan NPM?</p> <p>c) Sehingga 31 Disember 2023, portfolio berkadar tetap merangkumi 36% atau RM15.42 bilion daripada jumlah RM42.04 bilion pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar (<i>loans, financing and advances</i>, LFA) MBSB (Halaman 221, Nota 8(v) – LFA mengikut sensitiviti kadar keuntungan, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>Usaha sedang dijalankan untuk menukar portfolio berkadar tetap kepada kadar berubah-ubah pada tahun kewangan 2024 (Halaman 12, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>Apakah manfaat yang dijangkakan daripada penukaran pembiayaan? Apakah nisbah optimum portfolio berkadar tetap berbanding jumlah keseluruhan LFA? Berapa lamakah masa yang diambil untuk Kumpulan memuktamadkan pelaksanaan penukaran pembiayaan ini?</p>
Paramount Corporation Berhad (AGM)	<p>Seetakat 31 Disember 2023, inventori hartanah siap Kumpulan berjumlah RM61 juta. 93% daripadanya adalah hartanah komersial termasuk galeri jualan yang sedang mempamerkan pembangunan The Atera. (Halaman 27, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan Kumpulan menghadapi kesukaran untuk menjual hartanah komersial yang sudah siap?</p> <p>b) Di manakah lokasi hartanah komersial siap yang belum terjual, dengan bilangan unit dan nilai masing-</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>masing pada tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Sila berikan profil pengusahaan hartanah komersil siap yang belum terjual mengikut kategori: hartanah dalam julat kurang setahun, setahun hingga dua tahun dan lebih dari dua tahun mengikut unit dan nilai masing-masing untuk tahun kewangan 2022 dan 2023.</p> <p>d) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk mempercepat jualan hartanah komersil siap yang belum terjual?</p> <p>e) Adakah Kumpulan akan memperlahan dalam pelancaran hartanah komersial memandangkan kesukaran untuk menjualnya? Jika tidak, mengapa?</p>
MSM Malaysia Holdings Berhad (AGM)	<p>Salah satu cabaran utama industri gula ialah dasar Kerajaan Malaysia berhubung harga runcit gula. Pada masa ini, Malaysia menetapkan harga siling gula pada RM2.85/kg untuk gula kasar dan RM2.95/kg untuk gula halus yang merupakan harga gula terkawal paling rendah di dunia berbanding negara jiran seperti Thailand dan Indonesia (Halaman 52, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>Kerajaan Malaysia telah menyediakan insentif untuk Industri Gula Bersama tempatan pada suku akhir 2023. Insentif ini penting bagi MSM untuk mengimbangi sebahagian daripada kos yang terlibat untuk mengeluarkan 24,000 tan gula bertapis pada harga jualan tetap RM2.85/kg (Halaman 28, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>a) Keputusan suku keempat 2023 menyaksikan Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM53.2 juta berbanding kerugian dalam tiga suku tahun sebelumnya (Halaman 22, Laporan Tahunan Bersepadu 2023). Sejauh manakah keputusan ini dikaitkan dengan insentif yang diterima daripada Kerajaan Malaysia dalam suku terakhir 2023?</p> <p>b) Kumpulan melaporkan keuntungan selepas cukai bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2024 (suku pertama tahun kewangan 2024) sebanyak RM41.7 juta berbanding kerugian bersih RM35.8 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas. Adakah Kumpulan</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>menjangkakan prestasi akan kembali mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>c) Pelancaran sistem Hab Pangkalan Data Utama (Padu) akan membolehkan Kerajaan menyelaraskan pemberian bantuan kepada penerima bersasar yang layak dan dijangka dilancarkan pada separuh kedua 2024. Sila komen sama ada perkembangan ini akan mempengaruhi struktur perubahan harga demi kemampuan industri gula dalam jangka panjang.</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif (ismet@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.